

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
NEGERI (MAN) KEDAH**

**20 APRIL 2024 (SABTU)  
9.00 PAGI  
HOTEL GRAND ALORA, ALOR SETAR  
KEDAH**

---

Bismillahirrahmannirrahim  
Assalamulaikum WBKT

**(SALUTASI            DISEDIAKAN            BAHAGIAN  
SEKRETARIAT)**

1. Alhamdulillah marilah kita bersama -sama kita memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita semua berkumpul pada hari ini bagi menjayakan **Mesyuarat Agung Negeri (MAN) Kedah**

2. Mesyuarat ini merupakan wadah perkumpulan individu yang datang dari pelbagai agama, bangsa, umur dan kepakaran dengan satu tujuan, yakni terus memartabatkan gerakan koperasi sebagai ejen pembangunan sosiekonomi masyarakat yang utuh.
3. Syabas dan tahniah kepada semua perwakilan yang hadir, samada yang berada secara fizikal mahupun yang berada secara dalam talian. Saya percaya dengan cara bagaimana sekalipun mesyuarat ini berjalan, usaha kita untuk membawa isu kemajuan gerakan ini pasti dicapai apatah lagi keperluan teknologi digital yang kritikal dalam landskap ekonomi pada masa kini.
4. Di kesempatan ini juga marilah kita mengalu-alukan juga wakil dari **Suruhanjaya Koperasi Malaysia** yang turut meluangkan masa untuk bersama dengan kita pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan/Puan amatlah kami hargai dan yang pada sama menunjukkan komitmen SKM untuk melihat koperasi terus berjaya dalam memberikan produk dan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

5. Ingin juga saya titipkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Kedah yang diterajui oleh Tn. Hj. Wan Ibrahim Bin Wan Jusoh yang telah mengatur mesyuarat pada hari ni dengan begitu teratur dan selesa sekali. Semoga mesyuarat pada hari ni akan berjalan dengan baik dan mencapai matlamat seperti tahun-tahun sebelumnya.

## **PENCAPAIAN GERAKAN KOPERASI**

**Sidang perwakilan yang saya hormati sekalian.**

6. Gerakan koperasi di Malaysia terus menunjukkan pencapaian yang amat membanggakan. Biarpun diuji dengan keadaan ekonomi yang merudum secara global ketika Covid melanda, gerakan ini tanpa berlengah terus bangkit dengan mencatatkan perolehan secara konsisten setelah sektor ekonomi dibuka sepenuhnya oleh pihak Kerajaan.
7. Kewujudan koperasi di negara kita telah melebihi usia 100 tahun. Keuntungan yang diperoleh koperasi telah banyak

menyumbang kepada faedah sosiekonomi anggotanya. Konsep ekonomi ini yang bergerak secara berjemaah mampu untuk menjadi pemangkin kepada kesejahteraan hidup sekiranya anggota berpegang kuat kepada falsafah, jatidiri dan prinsip-prinsip koperasi.

8. Mengikut statistik terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) **sehingga 30 Jun 2023, terdapat 15.553 buah koperasi berdaftar dengan keanggotaan seramai 7.3 juta individu Jumlah syer / yuran sebanyak RM17.47 bilion Ringgit dan jumlah aset sebanyak RM161.96 bilion. Manakala jumlah perolehan dicatatkan sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM45.05 Bilion.**
9. Pencapaian ini jelas menunjukkan bahawa biarpun koperasi diuji dengan pelbagai bentuk krisis, namun ianya tetap teguh berdiri dan mencatatkan peningkatan perolehan secara konsisten kerana mempunyai sistem sokongan yang kuat, baik dari ahlinya sendiri, ANGKASA sebagai

badan puncak dan juga pihak Kerajaan serta agensinya.

10. Maka besarlah harapan saya supaya gerakan koperasi untuk terus bersama ANGKASA kerana kami sentiasa memperjuangkan hak serta kepentingan gerakan ini, serta komited merangsang perniagaan dalam sektor – sektor utama dalam memastikan kita semua dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada pembangunan negara.

11. Perkara ini adalah selaras dengan Peranan ANGKASA yang telah digariskan dalam Undang Undang Kecil ANGKASA 10(1) iaitu:

i. Menyatukan semua koperasi dalam Malaysia;

ii. Mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

iii. Memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan koperasi ahli khususnya dan gerakan koperasi amnya; dan

iv. Memudahkan operasi koperasi ahli.

## **HUBUNGAN DAN INISIATIF KERAJAAN**

**Sidang perwakilan yang saya hormati sekalian.**

12. Sebagai badan puncak gerakan negara yang diiktiraf oleh Kerajaan, ANGKASA komited membawa isu-isu yang diperjuangkan oleh warga koperasi untuk diambil perhatian serta tindakan oleh pihak Kerajaan. Alhamdulillah hubungan serta ukhwah dengan kerajaan mahupun Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) khususnya amat baik. Apa yang penting, segala usaha ANGKASA dalam pembangunan koperasi dalam setiap segmen disokong penuh oleh Kementerian dan juga agensinya.
13. Perjumpaan dibuat secara berkala diadakan baik di Kementerian sendiri mahupun di acara – acara penting melibatkan koperasi dalam melontarkan idea dan strategi yang mampu untuk menaiktaraf pencapaian semasa koperasi.

14. Pada tahun yang lalu, dua perkara penting telah dilancarkan oleh YB Menteri KUSKOP, Datuk Ewon Benedick dalam usaha memberi anjakan baharu bagi meningkatkan prestasi gerakan koperasi supaya menjadi menjadi lebih efisien, inovatif, dan dapat bersaing dalam era ekonomi digital yang semakin berkembang.
15. **Pertama**, Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2023 yang dilancarkan bagi menetapkan hala tuju strategik melalui pewujudan ekosistem dinamik bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dan warga koperasi dalam keusahawanan koperasi.
16. Dengan teras dan strategik yang telah ditetapkan dalam Dasar ini, Kerajaan telah menetapkan pencapaian perolehan sebanyak RM60 Bilion pada tahun 2025 dan RM73 Bilion pada tahun 2030. Dengan perkembangan dan situasi terkini gerakan koperasi, saya pebuh yakin kita semua mampu untuk mencukupi sasaran tersebut.

17. **Kedua**, Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030 fokus kepada membawa koperasi ke era baharu dalam penggunaan teknologi digital. Pelan yang diusahakan oleh ANGKASA, SKM, dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ini melihat kepada isu, cabaran dan peluang gerakan koperasi dalam transformasi dan peralihan digital.
18. ANGKASA berpandangan digitalisasi seharusnya menjadi antara komitmen terpenting dalam pembangunan perniagaan koperasi di mana menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, perniagaan berasaskan digital disumbangkan sebanyak RM291.7 Bilion bagi suku pertama 2023. Majoriti disumbangkan oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Jumlah perolehan ini penting untuk kita ambil sebagai pemangkin kepada kemajuan gerakan koperasi kerana sektor perkhidmatan dipelopori oleh sebahagian besar koperasi di negara ini.
19. Di peringkat ANGKASA, Projek Barang Asas 100 (BA100) sedang giat berjalan di mana sasaran untuk melibatkan 3000 buah



koperasi menyertainya telah tercapai. Syukur Alhamdulillah nampaknya usaha ini disokong oleh warga koperasi dan akan kita pastikan supaya koperasi – koperasi kecil dapat ditingkatkan perolehannya melalui sektor peruncitan berasaskan digital ini.

20. Langkah mewujudkan BA100 sebagai tindakan proaktif tiga serampang, menjana perolehan koperasi, meningkatkan keterlibatan koperasi dalam dunia digital dan membantu kerajaan serta masyarakat mendepani isu kos sara hidup.

## **PEMERKASAAN ANGKASA DAN GERAKAN KOPERASI**

**Sidang perwakilan yang saya hormati sekalian.**

21. Fokus ANGKASA dalam merealisasikan tindakan Pelan Strategik ANGKASA 2017-2050 terus diberi keutamaan agar organisasi ini terus mampan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada ahli.

22. PESAN50 disusun sejajar dengan aspirasi kerajaan yang terkandung dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025, Rancangan Malaysia Ke-12, Dasar Koperasi Malaysia 2030, serta dasar-dasar utama negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals).
23. Hala tuju dasar-dasar utama negara ini digunakan sebagai panduan dalam membangunkan teras-teras setiap tonggak ANGKASA dan ini amat penting demi memastikan kelestarian gerakan koperasi di Malaysia.
24. Bagi tahun 2023, kesemua inisiatif meliputi Tonggak Ekonomi, Tonggak Ekosistem, Tonggak Ekosistem serta Tonggak Inovasi telah dijalankan dengan jayanya di mana pencapaiannya adalah sebanyak 99%. Keperluan peratusan ini adalah berbeza setiap tahun di mana kita akan melihat kepada perubahan dan keperluan semasa.

25. Untuk makluman para perwakilan sekalian, ANGKASA juga dalam fasa transformasi di mana objektifnya adalah memperkukuh kedudukan ANGKASA sebagai badan apeks dan bergerak secara lebih efisien membangunkan gerakan ini.
26. Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri juga diminta melihat kembali pelan strategik ANGKASA sebagai model supaya selari dengan matlamat jangka panjangnya. Penetapan KPI, penyusunan program dan penyediaan bajet selaras dengan aspirasi transformasi ANGKASA.
27. Transformasi Dan Penstrukturan ANGKASA ini penting bagi memastikan koperasi mendapat manfaat pencapaian keberhasilan yang berimpak tinggi menerusi pengurusan yang lebih efisien, proaktif dan berdaya saing selari dengan misi dan visi ANGKASA untuk menjadi Pemangkin Kecemerlangan Sosioekonomi Gerakan Koperasi ke Arah Globalisasi

## **PEMERKASAAN PERNIAGAAN GERAKAN KOPERASI**

## **Sidang perwakilan yang saya hormati sekalian.**

28. Selaras dengan Pelan Transformasi ANGKASA, suka juga untuk saya kongsi bahawa ANGKASA di setiap negeri giat menjalankan projek perniagaan bagi membantu koperasi di negeri lebih berdaya saing dalam pasaran terbuka. Usaha ini penting kerana kita ingin melihat koperasi juga mampu untuk terlibat dalam perusahaan besar yang selama ini dipelopori oleh pihak swasta.

29. Antara projek yang sedang dan akan berjalan mengikut negeri adalah

- i. Ternakan Ayam Kacuk – Selangor
- ii. Homestay Rumah Rakit dan Pelancongan – Pahang 1
- iii. Pembangunan Ekosistem Ternakan Ayam-Pahang 2
- iv. Pengeluaran dan Eksport Musang King dan Black Thorn – Pahang 3
- v. Inkubator Ekosistem Industri Koko – Perak
- vi. Inkubator Latihan Kelulut Moden MeliPark – Johor
- vii. Tanaman Buluh – Negeri Sembilan

- viii. Pembangunan Agropelancongan – Terengganu
- ix. Tanaman Cendawan Tiram Kelabu – Kedah
- x. Penanaman Rock Melon – Pulau Pinang
- xi. Pembangunan Industri Kenaf – Kelantan
- xii. Pengeluaran dan Pembungkusan Beras Putih – Perlis
- xiii. Rasa Melaka by ANGKASA – Melaka
- xiv. Pengeluaran mi kuning sagu – Sarawak
- xv. Pembangunan Pelancongan – Sabah
- xvi. Pembasmian Kemiskinan melalui penubuhan koperasi – Wilayah Persekutuan

30. Usaha – usaha dari negeri ini disokong penuh oleh ANGKASA Pusat dan selari dengan hasrat memacu perniagaan koperasi fokus kepada bidang dan sektor berimpak tinggi supaya sumbangan kepada landskap sosiekonomi adalah lebih menyeluruh.

31. Lapan (8) Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi terus diperkasa melalui program eksplorasi dan inkubasi yang diwujudkan di bawah Kumpulan Pembangunan Koperasi dan Kumpulan Perniagaan Koperasi.

32. Pada tahun 2023, 14 projek dijalankan di bawah Projek Eksplorasi dan 5 projek dijalankan di bawah Projek Inkubasi seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi. ANGKASA mempunyai sasaran untuk mewujudkan ekosistem perniagaan yang dikuasai oleh koperasi di mana kita boleh mengawal harga barangan di pasaran dan memberi alternatif lebih baik kepada pengguna.
33. Melalui inisiatif jaringan COOPHardware, ANGKASA menjadi pemudahcara bagi perancangan projek hartanah koperasi. Antara program yang diberi fokus pada tahun ini, Pembangunan hartanah atas tanah milik koperasi, program memperkasa kontraktor koperasi dan pemeriksaan perniagaan bekalan bahan binaan (mentor mentee). Sehingga 2013 terdapat 40 buah koperasi yang menyertai Jaringan COOPHardware.
34. Di bawah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, ANGKASA telah berjaya menganjurkan dua sesi COOPUmrah pada tahun 2023. COOPumrah dijalankan untuk memberi peluang koperasi turut terlibat dalam peluang pengurusan umrah dan

haji. Selain itu jaringan Coophotel, Coopstay, Coopspa, Cooplodge dan Coopfarmasi turut diberi perhatian yang mana jumlah perolehan jaringan ini pada tahun 2023 adalah sebanyak RM36 juta.

35. ANGKASA juga turut melihat kepada peluang untuk menawarkan penyelesaian kepada kerajaan dalam pelbagai perkara termasuk isu keterjaminan makanan. Projek Rintis Ternakan Ayam sedang berjalan dengan kerjasama sebuah koperasi di Pahang dengan kapasiti sebanyak 32000 ekor. Ayam yang sudah diproses akan ditawarkan melalui kedai BA100 dan juga 15 outlet di Lembah Klang.
36. Projek Lembu Tenusu Haifers Park masih berjalan dengan kapasiti sebanyak 54 ekor lembu buat masa ini. Semenjak bermulanya inisiatif ini, sebanyak 126,271.63 liter susu telah berjaya dihasilkan. ANGKASA juga sedang dalam proses membangunkan projek ternakan lembu pedaging yang akan melibatkan ANGKASA Kedah dan Perlis dan dijangka akan melibatkan empat (4) buah koperasi untuk waktu permulaan.

37. ANGKASA turut menjalankan inisiatif bersama Lembaga Getah Malaysia di bawah Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET) bagi memperkenalkan hasil getah krip premium kepada pengusaha getah dan pekebun kecil getah termasuk dari kalangan koperasi bagi meningkatkan kualiti hasil getah. Inisiatif ini juga selari dengan Dasar Agrokomoditi Negara (DAKN2030) yang akan meliputi lima teras dasar yang telah digariskan oleh pihak kerajaan dan serta memberi tambah nilai yang signifikan kepada gerakan koperasi negara.
38. Pembangunan produk koperasi melalui inisiatif 100 Champion terus diperkasa dari tahun ke tahun. Pelbagai produk koperasi yang telah ANGKASA bantu bangunkan di mana ada antaranya telahpun masuk ke pasaran tempatan seperti Giant, AEON, Jaya Grocer, ISETAN, SOGO dan BHP Petromart.
39. Bermula 2016 sehingga 2022 sebanyak 232 SKU dari 75 buah koperasi telah dieksport ke luar negara. Antara negara tersebut adalah Thailand, Kemboja, Filipina, Singapura, Indonesia dan Brunei.



ANGKASA sedang dalam usaha untuk meluaskan pasaran ke rantau Asia Pasifik.

40. Pembangunan modal insan sebagai tunjang kejayaan masa depan koperasi sekian lama menjadi fokus ANGKASA. Suka untuk saya kongsi kerana sehingga kini 23 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM1 juta manakala Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Berhad berjaya mencapai perolehan RM2 JUTA. Ini merupakan satu bukti di mana model koperasi menawarkan model terbaik kepada perniagaan kerana pelajar yang pasarannya walaupun agak terhad mampu untuk mencapai kejayaan seperti ini.

**Sidang perwakilan yang saya hormati sekalian.**

### **Konvensyen Koperasi Kebangsaan**

41. Pada tahun ini, terdapat satu pertambahan agenda dalam MAN di setiap negeri di mana kita akan mengadakan Konvensyen Koperasi Peringkat Negeri di mana usul yang dicadangkan akan dibawa ke Kongres Koperasi Kebangsaan yang akan

datang. Insyallah Kongres Koperasi Kebangsaan ini akan dirasmikan sendiri oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Anwar Bin Ibrahim.

- 42.** Melalui kongress ini kita hendak meneliti semula Kerelevanan dan kesesuaian akta dan peraturan koperasi yang digunapakai supaya selari dengan perubahan persekitaran yang dinamik.
- 43.** Kemudian kita hendak melihat Dasar Kewangan dan Fiskal Kerajaan yang dilihat tidak memberi kelebihan kepada gerakan koperasi untuk berdaya saing dan berkembang dalam perniagaan. Ini termasuk soal bajet yang dilihat tidak sepadan dengan jumlah koperasi dan ahli koperasi yang terus meningkat setiap tahun.
- 44.** Tidak dilupakan kami di ANGKASA hendak mendengar sendiri sumbang saran daripada para perwakilan peringkat negeri berkenaan penambahbaikan dan transformasi yang diperlukan oleh gerakan koperasi untuk dibawa ke kerajaan bagi memberikan daya saing dalam landskap ekonomi masa kini dan juga akan datang.

## **Transformasi Ekonomi Bumiputera**

45. Gerakan koperasi amat sinonim dengan warga Bumiputera di negara ini. Koperasi menjadi wadah di mana majoriti ahlinya terdiri daripada warga Bumiputera dapat memecah tradisi, bergabung modal dan tenaga untuk turut terlibat dalam sektor yang selama ini didominasi oleh kaum yang lain. Namun fokus ucapan ini bukanlah untuk mengenenpikan sumbangan kaum lain dalam pembangunan negara, akan tetapi menekankan pentingnya warga Bumiputera melibatkan diri dalam keusahawan koperasi.
46. Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Zahid Hamidi melalui ucapannya sewaktu Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 baru – baru ini menekankan pentingnya transformasi ekonomi bumiputera dilakukan bagi memastikan pengagihan ekonomi yang adil buat semua kaum.
47. Koperasi perlu melihat kepada tiga perkara penting yang digariskan Transformasi Ekonomi Bumiputera iaitu Keadilan

Sosiekonomi, Kemampuan Bangsa dan Negara; dan Kemakmuran Negara dan Kesejahteraan Rakyat. Jika melihat kepada perkara tersebut, koperasi sememangnya mampu untuk memberi impak yang besar kepada usaha transformasi ini.

48. Beliau juga turut menyatakan kesalinghubungan dan kerjasama antara kaum adalah penting bagi mencapai matlamat ini. Nadi kerjasama dengan semua pihak merupakan kekuatan koperasi dalam merealisasikan perkara ini.
49. Melalui kerjasama utuh ANGKASA dan gerakan koperasi kita dapat memastikan kaum Bumiputera tidak ketinggalan dalam kemajuan perniagaan dan kompeten serta berdaya saing. Seperti yang saya telah sebut, koperasi juga mempunyai Dasar dan Pelan Tindakan yang telah digariskan untuk terus bersaing dalam pasaran masa kini.
50. Melalui Kongres Koperasi Kebangsaan kita akan mohon kerajaan melihat kepada akses kredit yang lebih baik untuk gerakan koperasi. Kita mahu koperasi dapat

berkembang dengan lebih baik di mana peluang – peluang yang wujud seperti pekerjaan dan pendidikan dapat disediakan kepada warga Bumiputera sekaligus membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

51. Saya penuh yakin, koperasi adalah platform terbaik untuk kita mengangkat martabat bumiputera, dan pada masa yang sama bersifat inklusif merentasi kepelbagaian agama dan juga bangsa dalam membina sebuah negara yang berdaya saing.

52. ANGKASA amat menekankan pemahaman tentang percukaian dalam kalangan anggota koperasi. Koperasi adalah salah satu pembayar cukai di Malaysia, dan walaupun terdapat pengecualian tertentu, pemahaman tentang pengurusan cukai tetap penting ditekankan dalam kalangan anggota koperasi.

53. Koperasi yang dapat menjalankan perancangan cukai yang baik bukan sahaja memberikan kesan dalam jangka masa pendek seperti meningkatkan

pendapatan dan pusingan modal bahkan ia juga dapat mengelakkan daripada dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

54. Baru – baru ini Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDB) mengesan 63 buah syarikat menyeleweng subsidi minyak masak membabitkan cukai tidak berbayar sebanyak RM200 juta. 19 daripada syarikat tersebut tidak mempunyai fail cukai.

55. Oleh kerana itu, ANGKASA telah mengambil tindakan proaktif dengan sekali lagi menandatangani perjanjian persefahaman dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Ini adalah kerjasama kali kedua dilakukan selepas kerjasama pada tahun 2018, dan kali ini ianya lebih fokus kepada meningkatkan kesedaran, pemahaman pengurusan cukai yang lebih efisien, dan pematuhan sistem percukaian di kalangan koperasi di Malaysia.

56. Data pada tahun lepas menunjukkan bahawa 70% daripada jumlah keseluruhan koperasi berdaftar

masih belum mendaftarkan cukai mereka dengan LHDN. Dari 30% yang mendaftar, hanya 1001 koperasi yang merupakan pembayar cukai secara aktif.

57. Saya yakin melalui usaha ini, kita boleh memastikan bahawa koperasi di Malaysia menjadi pemain ekonomi yang bertanggungjawab dalam pembangunan negara, dan hasil cukai yang diperolehi akan kembali memberi manfaat kepada kita semua.

## **ANTARABANGSA**

**Sidang perwakilan yang saya hormati sekalian.**

58. Jalinan hubungan bersama koperasi luar negara terus diperkasa melalui kerjasama strategik bagi memperluas produk dan perkhidmatan koperasi di peringkat global. Sebagai Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan Naib Presiden International Cooperative Alliance Asia dan Pasifik (ICA-AP), sudah tentu saya sendiri sentiasa

mengetengahkan kelebihan keistimewaan produk koperasi di Malaysia.

59. Dengan jumlah populasi kira – kira 240 umat Islam di Rantau ASEAN, ANGKASA melihat ini adalah peluang besar bagi koperasi untuk membawa produk Halal ke pasaran. Pada tahun yang lalu ANGKASA dan National Commission on Muslim Filipinos telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi melihat kerjasama meningkatkan ekonomi umat Islam di Negara tersebut melalui platform koperasi.

60. Promosi penubuhan Koperasi Kariah Masjid juga giat dijalankan di Filipina dan Kemboja. Usaha – usaha ini bakal membuka peluang luas dagangan bilateral antara negara. Jadi saya menyeru supaya Koperasi Kariah Masjid di negara dapat bersedia dengan produk masing – masing kerana apabila lebih banyak KKM ditubuhkan di luar negara, ANGKASA akan lebih agresif dalam usahanya mempromosikan produk Tuan – Tuan dan Puan-Puan mengikut segmen pasaran yang sesuai.



61. Pujian juga harus diberikan kepada Kepimpinan ANGKASA yang lain. Setiap daripada Anggota Lembaga diberikan kedudukan di peringkat antarabangsa dan masing-masing telah menjalankan tanggungjawab sehabis baik bagi membawa produk koperasi negara ke persada global.

62. Kedudukan di peringkat antarabangsa ini juga merupakan bukti kepercayaan masyarakat dunia kepada kepimpinan koperasi di Malaysia. ANGKASA mempunyai komitmen yang tinggi untuk menyediakan akses pasaran global, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan, serta menjana pertumbuhan ekonomi koperasi yang mapan melalui pengantarabangsaan koperasi.

**Sidang perwakilan yang saya hormati sekalian.**

**63.** Pada hari ini, seperti tahun sebelumnya, Tuan – Tuan dan Puan – Puan akan memilih kepimpinan dan Jawatankuasa JPAN. Pemilihan ini amat penting kerana kita akan memilih individu yang akan memacu

perkembangan koperasi di negeri masing – masing. Saya berharap Tuan-Tuan dan Puan- Puan memberi pertimbangan kepada mereka yang benar – benar layak dan mempunyai pengalaman luas meneraju kepimpinan koperasi di negeri – negeri.

64. Sekali lagi jutaan terima kasih diucapkan pada para perwakilan yang hadir bermesyuarat pada hari ini. ANGKASA akan meneruskan komitmennya sebagai badan puncak agar gerakan koperasi di Malaysia kekal menjadi institusi wadah pemangkin kejayaan sosioekonomi masyarakat dan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

65. Semoga perjalanan MAN pada hari ini akan berjalan dengan lancar, teratur dan mencapai kata sepakat demi kemajuan berterusan gerakan koperasi di negara ini.

66. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan **Mesyuarat Agung Negeri (MAN) Kedah.**

Sekian, wabiahil taufik wal hidayah

Wassalamualaikum  
Wabarakatuh.

Warahmatullahi